

## Dr. Mahathir gembira pelantikan Najib

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa gembiranya dengan pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

“Saya gembira dengan Najib,” kata bekas Perdana Menteri itu yang dipetik daripada seorang pembantunya.

Pelantikan Najib yang juga Menteri Pertahanan, diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas mesyuarat Kabinet di Putrajaya hari ini.

Pengumuman pelantikan Najib yang juga Naib Presiden UMNO itu sekali gus menamatkan spekulasi mengenai siapa yang menjadi pilihan Abdullah untuk menyandang jawatan berkenaan yang kosong apabila beliau mengambil alih teraju kepimpinan daripada Dr. Mahathir pada 31 Oktober lepas.

Sebaik mengumumkan hasratnya untuk bersara semasa Perhimpunan Agung UMNO pada 2002, Dr. Mahathir beberapa kali membayangkan Najib boleh menjadi pemimpin nombor dua negara.

Bagaimanapun menurutnya, Abdullah berhak untuk memilih timbalan dan membentuk kerajaan serta Kabinetnya sendiri apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Abdullah semasa sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertamanya sebagai Perdana Menteri pada 5 November lepas menyatakan bahawa beliau akan memilih orang yang boleh membantu dan dapat memberikan kepimpinan yang baik sebagai timbalannya.

Abdullah juga berkata, pelantikan Timbalan Perdana Menteri tidak akan dibuat sehingga selepas pilihan raya umum.